

12 DEC 2002

Mahathir-Jepun

JEPUN HARUS MERINTIS JALAN MENYEDARKAN KEMBALI DUNIA, KATA DR M

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Jepun, sebagai sebuah negara yang besar, makmur dan dengan teknologi bertaraf dunia, boleh berjaya dan berbuat banyak jika ia tidak sekadar menjadi pengikut sahaja tetapi memimpin yang lain, khasnya negara-negara Asia Timur.

Perdana Menteri berkata, dengan globalisasi dan perang hari ini yang lebih bercorak ekonomi berbanding kekuatan tentera, Jepun boleh membantu menyedarkan dunia dan memulihkan ekonomi dunia jika ia mengambil peranan sebagai pemimpin.

"Asia Timur dan dunia sebenarnya memerlukan Jepun, dinamismenya dan dedikasi sepenuhnya. Dunia hari ini dalam keadaan kucar-kacir.

"Penyalahgunaan sistem perdagangan bebas, sifat tamak yang tiada hadnya pada sebilangan besar spekulator, terkial-kial dan tidak cekap dalam menangani masalah menyebabkan dunia kehilangan haluannya," kata beliau kepada para peserta satu seminar mengenai ulangtahun ke 20 Dasar Pandang Ke Timur di sini, hari ini.

Seminar itu dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun dan Nihon Keizai Shinbun (Nikkei) untuk meraikan ulangtahun ke 20 dasar itu yang diperkenalkan oleh Malaysia.

Dasar Pandang Ke Timur itu diperkenalkan oleh Dr Mahathir selepas beliau mengambil alih pucuk pimpinan negara dan pada asasnya ia menekankan akan perlunya rakyat Malaysia mencontohi nilai-nilai ketimuran dalam etika kerja dan moral serta pengurusan berkualiti dan kemahiran, untuk mempelajari rahsia di sebalik kejayaan ekonomi Jepun dan Korea Selatan.

Perdana Menteri berkata tiada siapa pun boleh pertikaikan bahawa Jepun telah mencapai satu keajaiban apabila ia membina semula negara itu dengan jayanya selepas Perang Dunia II, ia melakukannya dengan cara tersendiri, tanpa dinasihatkan oleh pihak luar.

Ia satu pencapaian yang dengan jelas membayangkan sifat-sifat istimewa orang Jepun, dan katanya satu-satunya nasihat yang diterima oleh Jepun ialah untuk mengeluarkan barangan berkualiti tinggi, mengikut standard dunia supaya ia dapat diterima di pasaran dunia.

"Sebagai seorang warga asing dari sebuah negara kecil, bukan hasrat saya untuk memberitahu Jepun apa yang ia harus buat untuk sekali lagi menjadi contoh ikutan bagi kita. Tetapi maafkan saya, kerana ulasan kecil saya ini," kata Dr Mahathir negarawan lantang dan yang paling lama berkhidmat di Asia.

Menyatakan rasa bimbangannya dengan pemulihan lembap ekonomi Jepun, Dr Mahathir berkata walaupun Jepun telah mencuba pelbagai kaedah untuk memulihkan ekonominya, keputusannya jauh daripada memuaskan.

Dengan berkata Malaysia memahami keinginan Jepun untuk membaratkan sistemnya, Perdana Menteri berkata sistem sedia ada tidak harus ditukar dengan mendadak, walaupun ia difikirkan lebih baik, kerana ia akan menyebabkan gangguan yang teruk.

"Ia lebih baik untuk meneruskan dengan satu sistem yang telah menunjukkan keputusan yang baik. Dan sistem di Jepun telah menunjukkan hasil yang baik bagi warga Jepun... ia menjadikan Jepun kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia," katanya.

Beliau berkata, jika Jepun perlu berubah, ia harus membuat perubahan itu secara perlahan-lahan untuk elakkan gangguan besar.

Dr Mahathir berkata penduduk Asia memandang ke timur khasnya Jepun,

mereka lebih suka belajar kejayaannya daripada kesilapannya dan dalam konteks ini Jepun mesti bangkit semula.

Beliau berkata perubahan kerajaan setiap dua tahun bukan cara terbaik dalam menguruskan pemulihan walaupun dalam keadaan normal kerana kerajaan tidak akan dapat memahami masalah, melaksanakan perancangannya dengan baik, memperbetulkan kesilapan dan mencapai kejayaan.

"Saya tidak cuba menasihatkan anda. Tetapi ini waktu yang kritikal. Globalisasi perlu ditangani dengan bijak," kata Perdana Menteri dan pada masa yang sama menyeru para pemimpin Asia Timur supaya bekerjasama.

Bercakap panjang lebar mengenai perang terhadap keganasan, beliau berkata dunia kini bukan sahaja dalam ketakutan tetapi juga mudah ditakutkan, ia pula menunjukkan reaksi membuta.

"Kita cuba melawan pengganas bagaikan kita melawan dalam perang konvensional . Kita mendirikan tembok di sekeliling kita, kita memperkenalkan langkah-langkah keselamatan baru, kita ketepikan tatalaku baik kita...kita kini telah kembali ke zaman batu kerana kini siapa kuat dialah yang betul," katanya.

Mengecam peringatan amaran lawatan yang meminta orang ramai supaya elakkan aktiviti mengembara, Perdana Menteri mempersoalkan apa gunanya teknologi canggih dan perdagangan bebas jika orang ramai tidak boleh melakukan perjalanan untuk mengendalikan perniagaan.

Beliau mengulangi bahawa keganasan hanya akan berhenti apabila puncanya diatasi.

Dengan perjuangan hari ini lebih kepada yang ditindas menentang mereka yang menindas, lebih banyak penindasan tidak akan menghentikan keganasan dan menambah kata pengganas boleh terdapat di mana-mana sahaja, sehinggakan di tempat sendiri.

"Dunia jelas telah hilang arahnya. Kemarahan pada pengganas masih ada dan akan berterusan. Tetapi kita boleh mengawal rasa marah kita, kita boleh bertindak rasional. Hanya pemikiran rasional yang boleh membawa kemenangan dalam perang terhadap keganasan.

"Ini yang merupakan cabaran bagi Jepun dalam dunia global, untuk memimpin atau dipimpin," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS MFJ PR